



اوتیورسیتی ملیسیا فهیج السلطان عبد الله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

**GARIS PANDUAN  
PENGURUSAN *RESEARCH  
ROLLING FUND (RRF)*  
UMPSA**

## KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKASURAT
	<b>PERMOHONAN &amp; PERATURAN</b>	
1.0	Definisi dan Tujuan	3
2.0	Sumber Peruntukan Akaun	3
3.0	Pembukaan Akaun	4
4.0	Penggunaan Akaun	5
	<b>LAMPIRAN</b>	
	Carta Alir Proses Kerja	7

## 1.0 DEFINISI DAN TUJUAN

*Research Rolling Fund* (RRF) merupakan akaun individu penyelidik dengan merujuk kepada satu bentuk dana yang diperuntukkan kepada penyelidik secara individu bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan memastikan kelestarian penyelidikan dan inovasi di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. Namun, perlu diperjelaskan bahawa dana ini bukan untuk kegunaan peribadi dalam erti kata untuk perbelanjaan peribadi tetapi adalah untuk menyokong penyelidikan peribadi dalam konteks professional dan akademik. Garis Panduan ini adalah bagi menjelaskan tatacara pengurusan dan operasi akaun *Research Rolling Fund* (RRF).

## 2.0 SUMBER PERUNTUKAN AKAUN

2.1 Sumber peruntukan kepada akaun *Research Rolling Fund* (RRF) adalah boleh dari sumber-sumber berikut;

(a) **Baki Projek Penyelidikan Tamat**

- mempunyai baki dari projek penyelidikan tamat
- tertakluk kepada projek penyelidikan yang dibenarkan oleh pemberi dana sahaja bagi pindahan ke akaun *Research Rolling Fund* (RRF)
- surat pelarasan baki dikeluarkan oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI) setelah semakan dengan Jabatan Bendahari.
- projek penyelidikan tersebut mencapai sasaran petunjuk prestasi utama (KPI)/output yang telah ditetapkan oleh pemberi dana.
- melengkapkan dan menghantar laporan akhir kepada pemberi dana dan mengemaskini ke Sistem Pemantauan Geran Penyelidikan IRIMS UMPSA.
- mendapat pengesahan rasmi dari pihak pemberi dana berkaitan penamatan projek penyelidikan dan pemberi dana berpuas hati dengan serahan hasil penyelidikan.
- klausa dan pernyataan termaktub didalam dokumen perjanjian berkaitan kebenaran untuk tidak perlu memulangkan baki kepada

pemberi dana selepas tarikh tamat projek penyelidikan (*tertakluk jika ada, jika tiada rujuk pengesahan rasmi daripada pihak pemberi dana*)

**(b) Insentif Penyelidikan**

- Insentif penyelidikan adalah merupakan hadiah yang diberikan kepada penyelidik untuk meningkatkan prestasi dan kualiti penyelidikan, menggalakkan penyelidik untuk terlibat dalam aktiviti penyelidikan, menarik minat penyelidik untuk meneruskan kerjaya penyelidikan mereka, meningkatkan kerjasama antara penyelidik dan menggalakkan inovasi dan pembangunan teknologi.

**(c) Hasil Jualan Produk Penyelidikan**

- Hasil jualan produk penyelidikan adalah keuntungan kewangan yang diperoleh melalui jualan produk yang dihasilkan daripada penyelidikan.

**(d) Bayaran Khidmat Perundingan**

- Bayaran yang diterima melalui projek perundingan setelah mengambil kira kesemua kos pelaksanaan serta agihan kepada pihak terlibat.

2.2 Bagi sumber dari perkara (b) – (d), adalah atas pilihan ketua/ahli projek/inventor untuk menyalurkan bayaran insentif penyelidikan, hasil jualan produk penyelidikan dan khidmat perundingan ke akaun *Research Rolling Fund* (RRF).

### **3.0 PEMBUKAAN AKAUN**

3.1 Staf akademik (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah) termasuk yang belum disahkan jawatan dan kontrak adalah layak untuk memohon pembukaan akaun *Research Rolling Fund* (RRF). Permohonan boleh dilaksanakan melalui Borang Permohonan Pembukaan Akaun *Research Rolling Fund* (RRF).

- 3.2 Pembukaan akaun *Research Rolling Fund* (RRF) adalah dibawah pengurusan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI) melalui platform *Integrated Research and Innovation System* (IRIMS) UMPSA. Setiap akaun *Research Rolling Fund* (RRF) akan diberikan kod RRFXXXX (XXXX adalah No ID Staf) dimana akaun ini adalah khas dan spesifik ke atas nama individu tersebut.
- 3.3 Pembukaan akaun *Research Rolling Fund* (RRF) daripada sumber Baki Projek Penyelidikan Tamat perlu memenuhi keperluan semakan dan pengesahan berkaitan status penutupan projek penyelidikan tersebut.
- 3.4 Tempoh aktif Akaun *Research Rolling Fund* (RRF) adalah mengikut tempoh aktif perkhidmatan Pemilik Akaun.
- 3.5 Akaun *Research Rolling Fund* (RRF) ini adalah dalam bentuk *one line fund* dimana pemilik akaun boleh membuat pengagihan semula antara vot mengikut keperluan masing-masing dari semasa ke semasa.

#### 4.0 PENGGUNAAN AKAUN

- 4.1 Penggunaan Akaun *Research Rolling Fund* (RRF) adalah tertakluk kepada penggunaan perkara-perkara berikut;

**(a) Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan (TNT)**

- Keperluan perjalanan dan pengangkutan untuk perkara berkaitan penyelidikan seperti inisiatif pencarian mendapatkan geran luar, menghadiri mesyuarat bersama pihak luar dan aktiviti peningkatan kompetensi (kursus/seminar/latihan/sangkutan/persidangan).

**(b) Vot 24000 – Sewaan**

- Keperluan sewaan bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan.

**(c) Vot 27000 - Keperluan Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

- Keperluan pembelian bekalan dan bahan penyelidikan.

**(d) Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas/Perkhidmatan Khas**

- Keperluan pembayaran yuran, bayaran khidmat profesional dan bayaran khidmat teknikal kepada pihak dilantik yang memberikan perkhidmatan.
- Bayaran honorarium kepada pemilik Akaun *Research Rolling Fund* (RRF) adalah tidak dibenarkan.

**(e) Vot 35000 - Aksesori dan Peralatan**


- Keperluan untuk pembelian peralatan aset atau inventori yang diperlukan.

4.2 Prosedur perolehan/pembelian/perbelanjaan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia terkini dan Peraturan Kewangan Universiti yang sedang digunapakai dan berkuatkuasa.

4.3 Pemilik Akaun *Research Rolling Fund* (RRF) bertanggungjawab untuk sebarang urusan berkaitan kewangan. Pemilik Akaun *Research Rolling Fund* (RRF) dikehendaki menyemak perbelanjaan dari semasa ke semasa untuk mengetahui baki peruntukan sebelum membuat sebarang urusan berkaitan kewangan.

4.4 Apabila pemilik akaun tamat perkhidmatan atau berpindah ke organisasi lain, Akaun *Research Rolling Fund* (RRF) akan ditutup. Namun pemilik akaun juga boleh memilih untuk menamakan penyelidik lain sebagai pemilik akaun yang baharu.

## LAMPIRAN CARTA ALIR PROSES KERJA PEMBUKAAN DAN PENGGUNAAN AKAUN RESEARCH ROLLING FUND (RRF)



**Kelulusan Mesyuarat Senat Universiti Ke-236 Bil. 07/2025**

---

**Jabatan Penyelidikan & Inovasi  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
26600 Pekan  
Pahang Daru Makmur**